

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [ BAKRI ]

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan perincian penggunaan elektrik semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Nyatakan jumlah bil elektrik yang perlu dibayar oleh semua pengguna domestik ke TNB mengikut kategori tarif dan apakah purata kos pembekalan per kW atau *cost of delivery* kepada pengguna domestik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), terdapat penurunan penggunaan elektrik secara purata 31% bagi sektor perdagangan dan 47% bagi sektor perindustrian. Pengguna domestik (kediaman) pula menunjukkan peningkatan penggunaan elektrik di antara 20% hingga 50% semasa tempoh PKP berbanding sebelum PKP. Keadaan ini berlaku kerana rakyat telah mematuhi perintah Kerajaan untuk berada di rumah masing-masing dan menggunakan elektrik melebihi kelaziman.
2. Statistik jumlah penggunaan elektrik bagi setiap kategori utama pengguna seperti domestik, komersial, industri dan lain-lain pengguna semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dengan merujuk penggunaan bulan Mei 2020 adalah seperti di **Jadual 1** di mana penggunaan elektrik yang paling tinggi adalah untuk sektor

domestik sebanyak 2,583GWj berbanding sektor komersial dan industri:

**Jadual 1: Jumlah penggunaan elektrik TNB bagi bulan Mei 2020**

<b>Kategori pengguna</b>	<b>Bilangan Pengguna (Juta)</b>	<b>Penggunaan elektrik (GWj)</b>
<b>Domestik</b>	7.66	2,583
<b>Komersial</b>	1.5	2,441
<b>Industri</b>	0.03	2,444
<b>Lain-lain</b>	0.08	58
<b>JUMLAH</b>	<b>9.31</b>	<b>7,651</b>

3. Jumlah bil elektrik yang perlu dibayar oleh semua pengguna domestik pada bulan Mei 2020 adalah seperti di Jadual 2:

**Jadual 2: Kadar tarif pengguna domestik mengikut blok**

<b>Blok Penggunaan Pengguna Domestik</b>	<b>Bilangan Pengguna</b>	<b>Jumlah Bil Elektrik (RM juta)</b>
200 kWj pertama (0 - 200 kWj)	2,454,788	52.32
100 kWj berikutnya (201 - 300 kWj)	1,544,897	77.98
300 kWj berikutnya (301 - 600 kWj)	2,330,386	307.89
300 kWj berikutnya (601 - 900 kWj)	916,002	211.14
Setiap kWj berikutnya (901 kWj ke atas)	414,989	278.33
Jumlah	7,661,062	927.66

4. Dalam hal ini, purata kos pembekalan untuk pengguna domestik bagi tempoh kawal selia kedua *Incentive Based-Regulation* (2018 hingga 2020) ialah 38.42 sen/kWj.

Sekian, terima kasih.